

19/3/2015

Kenyataan Media oleh Ir. Jaseni Maidinsa,
KPE, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

KAJIAN SEMULA TARIF AIR PULAU PINANG YANG DIUMUM TAHUN LALU DILAKSANAKAN 1 APRIL 2015 UNTUK MENGURANGKAN PENGGUNAAN AIR DAN ELAK CATUAN

PULAU PINANG, Khamis, 19/3/2015: Tarif air yang diumumkan tahun lalu untuk mengelakkan catuan air di Pulau Pinang akan diperkenalkan pada 1 April 2015. Objektif utamanya adalah untuk memudahkan pengurusan permintaan air bagi mengelakkan catuan air.

Kajian semula ini selaras dengan misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) “untuk mengelak catuan air dengan apa cara sekalipun.”

Kita perlukan pengguna air Pulau Pinang untuk membina “sikap” jimat menggunakan air bagi mengelak catuan air pada ketika perubahan iklim kini.

Pusingan Jan/Feb 2015 iaitu yang terkini malangnya menunjukkan peningkatan kepada 298 liter/kapita/hari (l/k/h).

Pada tahun 2014, purata penggunaan per kapita domestik di Pulau Pinang ialah 293 l/k/h. Ini adalah yang tertinggi di negara ini. Purata kebangsaan pula 210 l/k/h pada tahun 2013, dan Singapura mencatatkan 152 l/k/h pada tahun 2013.

Dalam lain perkataan, Pulau Pinang menghadapi risiko catuan ketika musim kemarau berlarutan kerana penggunaan air per kapita domestik yang terlalu tinggi. Kita perlu mengurangkan penggunaannya kepada 210 l/k/h atau pengurangan sebanyak 30% daripada penggunaan semasa 298 l/k/h untuk mengurangkan risiko itu.

Mesej mudah: Untuk mengelak catuan air, kurangkan guna air dan bayar kurang. Jika anda terus menggunakan air dengan banyak, bersedialah untuk membayar lebih.

KELULUSAN PERSEKUTUAN UNTUK KENAIKAN TARIF

Tahun lalu, PBAPP mengumumkan akan berlaku kajian semula tarif. PBAPP menghantar cadangan itu untuk kelulusan Kerajaan Persekutuan pada Julai 2014.

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang Persekutuan, cadangan itu telah disyorkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan diluluskan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Ia telah diwartakan untuk dilaksanakan bermula 15 Februari 2015.

Sila rujuk Appendix A untuk butir penuh kajian semula.

TARIF DOMESTIK MASIH YANG TERENDAH DI MALAYSIA

Walaupun selepas kajian semula tarif, purata tarif domestik Pulau Pinang untuk penggunaan 35,000 liter air yang pertama adalah RM0.32 bagi setiap 1,000 liter. Ia masih yang terendah di Malaysia.

RM0.32 setiap 1,000 liter adalah kurang daripada 1/3 purata tarif domestik Johor iaitu RM1.05 bagi setiap 1,000 liter.

Sila rujuk Appendix B untuk perbandingan tarif domestik.

Caj minimum untuk bekalan air domestik (RM2.50 sebulan) dan tarif untuk penggunaan domestik 20,000 liter yang pertama sebulan (RM0.22 setiap 1,000 liter) di Pulau Pinang TIDAK berubah. Caj ini masih yang terendah di Negara ini.

Dengan itu, kira-kira 47.4% pengguna air domestik, yang membayar caj minimum, atau menggunakan kurang daripada 20,000 liter sebulan, TIDAK akan menerima kesan daripada kajian semula tarif ini. Bermakna, 229,657 daripada 481,118 pengguna domestik TIDAK akan menerima kesan daripada kajian semula tarif.

Sementara itu, tambahan 27.9% daripada pengguna domestik yang menggunakan 20,000 – 35,000 liter sebulan akan membayar maksimum hanya lebih RM0.60 untuk sebulan bagi bil air mereka. Ini bermakna 134,973 daripada 481,118 pengguna domestik akan membayar maksimum RM0.60 lebih untuk bekalan air mereka.

Selebihnya, 119,488 pengguna domestik (24.7%) yang menggunakan melebihi 35,000 liter air sebulan akan membayar lebih untuk penggunaan domestik yang tinggi pada tahun 2015. Mereka boleh mengurangkan penggunaan, bayar jumlah yang sama, atau kurang.

TARIF PERNIAGAAN LEBIH MURAH DARIPADA PURATA KEBANGSAAN

Purata tarif perniagaan di Pulau Pinang untuk penggunaan air 500,000 liter yang pertama sebulan adalah RM1.36 setiap 1,000 liter berbanding purata kebangsaan RM1.45 setiap 1,000 liter.

Sila rujuk Appendix C untuk perbandingan tarif perniagaan.

Bagaimanapun, ingin dinyatakan, purata tarif perniagaan di Johor iaitu RM2.93 setiap 1,000 liter bagi penggunaan 500,000 liter yang pertama untuk sebulan adalah 2.1 kali lebih tinggi daripada purata tarif di Pulau Pinang.

Perlu juga dinyatakan purata tarif Pulau Pinang untuk penggunaan *band* ini (RM1.36 setiap 1,000 liter) adalah juga lebih rendah daripada purata tarif yang dikenakan di Kedah (RM1.40 setiap 1,000 liter) dan di Perak (RM1.60 setiap 1,000 liter)

Fikirkan masa hadapan dan sila gunakan air dengan bijak. Untuk tip jimat air, sila lawati pba.com.my.

Terima kasih.

Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif, PBAPP and PBA Holdings Bhd.

Dikeluarkan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd
Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Corporate Communications Unit
Tel : 04-201 3231
Email : syarifah@pba.com.my

TARIF AIR PULAU PINANG bermula 1 April 2015


Penggunaan sebulan (liter – L)	Sebelum 1/4/2015 (RM per 1,000L)	Bermula 1/4/2015 (RM per 1,000L)	Perbezaan	
			RM/1,000L	Purata %
DOMESTIK				
Caj Minimum	2.50 sebulan	2.50 sebulan	0.00	16.7
0 – 20,000L	0.22	0.22	0.00	
20,000 – 40,000L	0.42	0.46	0.04	
40,000 – 60,000L	0.52	0.68	0.16	
60,000 – 200,000L	0.90	1.17	0.27	
> 200,000L	1.00	1.30	0.30	
WCS (SURCAJ PENJIMATAN AIR) per 1,000 liter				
> 35,000L	0.48	0.48	0.00	0.0
DOMESTIK PUKAL				
Caj minimum	26.00 sebulan	26.00 sebulan	0.00	0.0
> 90,000L	0.35	0.35	0.00	
PERNIAGAAN				
KATEGORI PERNIAGAAN BIASA				
Caj minimum	10.00 sebulan	12.00 sebulan	2.00	18.8
0 – 20,000L	0.66	0.85	0.19	
20,000 – 40,000L	0.89	1.05	0.16	
40,000 – 200,000L	1.15	1.30	0.15	
> 200,000L	1.27	1.45	0.18	
KATEGORI PERNIAGAAN KHAS				
Caj minimum	10.00 sebulan	12.00 sebulan	2.00	20.0
Kadar Rata setiap 1,000L	1.52	3.00**	1.48	97.4
PERNIAGAAN PERKAPALAN / KATEGORI KIOSK AIR				
Caj minimum	10.00 sebulan	50.00*** sebulan	40.00	400.0
Kadar Rata setiap 1,000L	2.54	7.00***	4.46	175.6

* Isi Rumah 8 orang atau lebih boleh memohon rebat WCS 60%

** Rebate 35% = RM1.95 setiap 1,000 liter bagi kerja-kerja pembinaan/pengubahsuaian.


*** Keperluan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

PERBANDINGAN TARIF DOMESTIK



Sarawak 1: Sibul, Kuching, Sri Aman, Limbang, Sarikei, Kapit, Miri | Sarawak 2: Bintulu | Sarawak 3: Other Areas

PERBANDINGAN TARIF PERNIAGAAN



Sarawak 1: Sibul, Kuching, Sri Aman, Limbang, Sarikei, Kapit, Miri | Sarawak 2: Bintulu | Sarawak 3: Other Areas